



**MAHASISWA UMS tidak melepaskan peluang untuk mendapatkan buku pada harga yang lebih murah di Pesta Buku UMS yang bermula kelmarin.**

# Pesta Buku UMS hingga 25 Feb

UB 23.02.2012 AS

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) kelmarin melancarkan 13 buah buku pelbagai judul hasil tulisan kakitangan akademik universiti itu merangkumi pelbagai disiplin ilmu sepanjang tahun lalu.

Pelancaran buku terbabit adalah sempena Pesta Buku UMS yang diadakan di Perpustakaan UMS bermula kelmarin sehingga 25 Feb ini.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata UMS telah menerbitkan lebih 200 buah buku yang diterbitkan oleh Penerbit UMS.

“Ada juga buku kita pernah memenangi Anugerah Buku Negara seperti Perarakan Berjubah di bawah kategori buku mewah selain beberapa buku yang mendapat perhatian antarabangsa.

“Ini adalah pencapaian yang amat membanggakan kita,” katanya ketika merasmikan Pesta Buku UMS di Perpustakaan UMS, kelmarin.

Pesta itu adalah anjuran Koperasi UMS Berhad, Perpustakaan UMS dan Penerbit UMS.

Dalam ucapannya, Kamaruzaman berkata untuk menyemarakkan budaya membaca, pihak pentadbiran UMS melaksanakan pelbagai usaha menerusi peruntukan yang disifatkan ‘tidak kecil jumlahnya’ kepada Perpustakaan UMS dan

Penerbit UMS untuk tujuan itu.

“Ini adalah selaras dengan hasrat UMS untuk menjadi Universiti Penyelidikan menjelang 2015,” katanya.

Pesta buku kali ini turut disertai Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM), Perpustakaan Negeri Sabah, Perpustakaan Penyelidikan Borneo/Yayasan Sabah, Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sabah dan pengedar buku swasta di negeri ini.

Sepanjang pesta ini, pelbagai aktiviti turut diadakan seperti Bengkel Literasi Maklumat, Pameran Penerbitan Khas dan Bicara Sarjana selain aktiviti untuk kanak-kanak dari Tadika Yayasan Sabah.

Sementara itu, 13 buku yang dilancarkan kelmarin adalah *Asas Mineralogi Optik*, *Business and Finance: Emerging Issues*, *Diagnosis of Common Bleeding Disorders: A Basic Laboratory Manual for Coagulation Test*, *Handbook of Obstetrics*, *Kekuatan Mental dalam Sukan dan Kemahiran Insaniah dalam Pembelajaran*, *Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia: Perspektif Pelajar UMS*.